

06 OCT 2001

DR MAHATHIR ZIARAHI AGONG DI SINGAPURA

Oleh: Mohd Nasir Yusof

SINGAPURA, 6 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menziarahi Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, yang selamat menjalani pembedahan kecil di Hospital Mount Elizabeth di sini, malam ini.

Dr Mahathir, yang tiba pada kira-kira 7.45 malam, kelihatan meninggalkan bangunan hospital itu pada 8.30 malam.

Ketibaan Perdana Menteri di pintu masuk bangunan hospital itu disambut oleh Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah.

Datuk Paduka Maharaja Lela Istana Negara Datuk Zubir Ali pagi ini memberitahu Bernama di sini bahawa pembedahan terhadap Seri Paduka berjalan lancar.

Seri Paduka kini ditempatkan di unit rawatan rapi kardiak (ICCU) untuk pemerhatian lanjut selama 24 jam, katanya.

-- BERNAMA

MNY NAK